



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—  
VERSI DALAM TALIAN  
TEKS CETAKAN SEMULA YANG DIKEMAS KINI  
—

**Akta 590**

**AKTA FRANCAIS 1998**

*Sebagaimana pada 28 April 2022*

*Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Francois 1998 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.*

**AKTA FRANCAIS 1998**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	24 Disember 1998
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	31 Disember 1998
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1617 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	28 April 2022

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	2002
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	2006

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 590

### AKTA FRANCAIS 1998

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Permulaan kuat kuasa
3. Pemakaian
4. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### PELANTIKAN PENDAFTAR FRANCAIS, PENDAFTARAN, DSB.

5. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dsb.
6. Pendaftaran francaisor
- 6A. Pendaftaran francaisor francaisor asing
- 6B. Pendaftaran francais
7. Permohonan bagi pendaftaran
8. Kelulusan atau penolakan permohonan bagi pendaftaran
9. Tarikh pendaftaran francais mula berkuat kuasa
10. Tempoh berkuat kuasa
- 10A. Pembaharuan pendaftaran francais
- 10B. Mempamerkan pendaftaran francais

Seksyen

11. Pindaan pada dokumen penzahiran
12. Notis tentang pengantungan, penamatan, dsb., pendaftaran
13. Pembatalan daripada daftar
14. Pendaftaran broker francais
- 14A. Pembaharuan pendaftaran broker francais atau konsultan francais
- 14B. Mempamerkan pendaftaran broker francais atau konsultan francais
15. Amalan wajib
16. Laporan tahunan
17. Rayuan terhadap keputusan Pendaftar

### BAHAGIAN III

#### PERJANJIAN FRANCAIS

18. Kehendak perjanjian francais
19. Pembayaran fi francais, dsb.
20. Larangan terhadap diskriminasi
21. Pembayaran fi francais atau royalti
22. Kumpulan Wang Promosi
23. Fi promosi, dsb.
24. Pendaftaran cap dagangan atau cap perkhidmatan
25. Tempoh francais
26. Maklumat rahsia
27. Larangan terhadap perniagaan serupa
28. Penepian tidak sah

### BAHAGIAN IV

#### KELAKUAN PIHAK-PIHAK PENAMATAN PERJANJIAN FRANCAIS

29. Kelakuan pihak
30. Obligasi francaisor dan francais

Seksyen

31. Penamatan perjanjian francais
32. Tidak membaharui perjanjian francais
33. Penamatan awal tempoh francais
34. Pelanjutan tempoh francais

#### BAHAGIAN V

#### LEMBAGA PENASIHAT FRANCAIS

35. Lembaga Penasihat Francais
36. Fungsi Lembaga Penasihat Francais

#### BAHAGIAN VI

#### KESALAHAN DAN PENALTI

37. Kesalahan bagi fraud, perdayaan, dsb.
- 37A. Kesalahan bagi mengemukakan diri sebagai francais
38. Menghalang pegawai
39. Penalti am
40. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
41. Pengkompaunan kesalahan

#### BAHAGIAN VII

#### PENGUATKUASAAN

42. Pegawai diberi kuasa
43. Kuasa untuk menyiasat
44. Penggeledahan dengan waran
- 44A. Waran geledah sah walaupun cacat
45. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
46. Pemeriksaan seorang wanita
47. Akses kepada data berkomputer

Seksyen

- 48. Senarai benda disita
- 48A. Pelucuthakan buku yang disita, dsb.
- 48B. Pelepasan buku yang disita, dsb.
- 48C. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik
- 48D. Ganjaran bagi maklumat
- 49. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang tahu tentang kes
- 50. Pemeriksaan orang yang tahu tentang kes
- 51. Kuasa tambahan
- 52. Pendakwaan

#### BAHAGIAN VIII

#### PELBAGAI

- 53. Penjualan francais kepada bukan warganegara tertakluk pada kelulusan Pendaftar
- 54. Penjualan francais oleh orang asing di Malaysia
- 55. (*Dipotong*)
- 56. Pemeriksaan awam dokumen penzahiran
- 57. (*Dipotong*)
- 58. Kuasa untuk mengecualikan
- 59. Perlindungan pegawai
- 60. Peraturan-peraturan
- 61. Kecualian dan peralihan

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 590

#### AKTA FRANCAIS 1998

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, dan untuk mengawal selia, francais-francais dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[8 Oktober 1999, P.U. (B) 389/1999]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Francais 1998.

#### Permulaan kuat kuasa

2. Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### Pemakaian

3. (1) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia bagi penjualan dan operasi apa-apa francais di dalam Malaysia.

(2) Penjualan dan operasi sesuatu *francais* adalah disifatkan di dalam Malaysia jika—

- (a) suatu tawaran untuk menjual atau membeli *francais*—
  - (i) dibuat di dalam Malaysia dan diterima di dalam atau di luar Malaysia; atau
  - (ii) dibuat di luar Malaysia dan diterima di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (b) perniagaan yang *difrancaiskan* itu dikendalikan atau akan dikendalikan di dalam Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, tetapi jika ada apa-apa percanggahan antara peruntukan Akta ini dan peruntukan undang-undang bertulis lain itu, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

### **Tafsiran**

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“*broker francais*” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan sebagai ejen atau wakil kepada mana-mana *francaisor* untuk menjual *francais* kepada mana-mana orang dengan balasan yang tertentu tetapi tidak termasuk mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja *francaisor* atau *francaisi*;

“*cap*” termasuklah *cap dagangan*, *cap perkhidmatan*, simbol, reka bentuk, jenama, tajuk, label, tiket, nama, tandatangan, perkataan dan huruf atau apa-apa gabungannya;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen penzahiran” ertinya apa-apa dokumen penzahiran yang ditetapkan oleh Menteri;

“français” ertinya kontrak atau perjanjian, sama ada secara nyata atau tersirat, sama ada secara lisan atau bertulis, antara dua orang atau lebih yang dengannya—

- (a) franchisor memberi francais hak untuk mengendalikan perniagaan mengikut sistem français yang ditentukan oleh franchisor selama tempoh yang ditentukan oleh franchisor;
- (b) franchisor memberi francais hak untuk menggunakan cap, atau rahsia dagangan, atau apa-apa maklumat sulit atau harta intelektual, yang dipunyai oleh franchisor atau berhubungan dengan franchisor, dan termasuk keadaan apabila franchisor, yang merupakan pengguna berdaftar, atau dilesenkan oleh orang lain untuk menggunakan, apa-apa harta intelektual, memberikan apa-apa hak yang dimilikinya untuk membenarkan francais menggunakan harta intelektual itu;
- (c) franchisor memiliki hak untuk melaksanakan kawalan berterusan sepanjang tempoh français terhadap pengendalian perniagaan francais mengikut sistem français; dan
- (d) *(Dipotong oleh Akta A1442)*.
- (e) sebagai balasan kepada pemberian hak-hak itu, francais dikehendaki membayar fi atau bentuk balasan yang lain.
- (f) *(Dipotong oleh Akta A1442)*.

“français” ertinya seseorang yang kepadanya français diberikan dan termasuk, melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Akta ini—

- (a) francaisi induk berkenaan dengan hubungannya dengan francaisor; dan
- (b) subfrancaisi berkenaan dengan hubungannya dengan francaisi induk;

“francaisi induk” ertinya seseorang yang diberi hak oleh francaisor untuk mensubfrancaiskan kepada orang lain, atas perbelanjaannya sendiri, francais kepunyaan francaisor itu;

“francaisor” ertinya seseorang yang memberikan francais kepada francaisi dan termasuk francaisi induk berkenaan dengan hubungannya dengan subfrancaisi, melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Akta ini;

“iklan” ertinya apa-apa bentuk penerbitan, pekeliling, notis, atau apa-apa komunikasi lisan atau bertulis, sama ada disiarkan melalui media elektronik atau apa-apa media penyiaran yang lain, atau apa-apa bentuk alat komunikasi elektronik kepada orang ramai bagi maksud menawarkan penjualan francais atau mempromosi penjualan francais;

“konsultan francais” ertinya seseorang yang memberikan nasihat dan perkhidmatan konsultasi kepada orang lain mengenai pendaftaran perniagaan francais dan pematuhan kepada undang-undang yang berhubungan dengannya;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan francais;

“orang” termasuklah orang sebenar, perbadanan, perkongsian, persatuan, firma, usaha sama atau amanah;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri di bawah seksyen 42 untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini;

“Pendaftar”, “Timbalan Pendaftar” dan “Penolong Pendaftar” masing-masing ertinya Pendaftar Francais, Timbalan Pendaftar Francais dan Penolong Pendaftar Francais yang dilantik di bawah seksyen 5;

“peraturan” ertinya peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“perjanjian francais” ertinya kontrak atau perjanjian yang dibuat antara francaisor dengan francaisi berkenaan dengan sesuatu francais sebagai balasan terhadap apa-apa bentuk balasan tetapi tidak termasuk apa-apa kontrak atau perjanjian yang dibuat bagi maksud jualan langsung sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Jualan Langsung 1993 [*Akta 500*];

“subfrancais” ertinya suatu francais yang diberikan oleh francaisi induk kepada subfrancaisi bagi tujuan perniagaan di bawah Akta ini;

“subfrancaisi” ertinya pemegang subfrancais.

## BAHAGIAN II

### PELANTIKAN PENDAFTAR FRANCAIS, PENDAFTARAN, DSB.

#### **Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dsb.**

5. (1) Menteri boleh melantik seorang pegawai awam sebagai Pendaftar Francais dan apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar Francais, Penolong Pendaftar Francais dan pegawai-pegawai lain yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Pendaftar hendaklah, tertakluk pada arahan umum dan kawalan Menteri, melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(3) Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai-pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) adalah di bawah arahan dan kawalan Pendaftar.

(4) Timbalan Pendaftar boleh melaksanakan semua kewajipan dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Pendaftar di bawah Akta ini.

(5) Pendaftar atau Timbalan Pendaftar boleh melaksanakan semua kewajipan yang dikenakan dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Penolong Pendaftar di bawah Akta ini.

(6) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini adalah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **\*Pendaftaran francaisor**

**6.** (1) Seseorang francaisor atau orang asing yang telah memperoleh kelulusan untuk menjual francais di Malaysia atau kepada mana-mana warganegara Malaysia di bawah seksyen 54 hendaklah mendaftarkan francaisnya dengan Pendaftar sebelum dia boleh menjalankan perniagaan francais atau membuat tawaran untuk menjual francais kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana francaisor atau orang asing yang gagal mematuhi seksyen ini, melainkan dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 58, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 27 Akta Francais (Pindaan) 2020 [Akta A1617].

puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pendaftaran francaisi francaisor asing**

**6A.** (1) Sebelum memulakan perniagaan francais, seseorang francaisi yang kepadanya francais diberikan daripada seseorang francaisor asing hendaklah memohon untuk mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dan permohonan itu hendaklah tertakluk pada kelulusan Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat bagi kelulusan pendaftaran francais yang disebut dalam subseksyen (1).

(2A) Apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

(3) Jika seseorang francaisi telah mendapat kelulusan daripada francaisor asing untuk menjual francais itu, francaisi hendaklah mendaftarkan kelulusan itu.

(4) Mana-mana francaisi yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

### **Pendaftaran francaisi**

**6B.** (1) Seseorang francaisi yang kepadanya francais diberikan daripada seseorang francaisor tempatan atau francaisi induk tempatan hendaklah mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perjanjian antara francaisor dengan francaisi ditandatangani.

(2) Mana-mana francais yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Permohonan bagi pendaftaran**

7. (1) Francaisor hendaklah membuat permohonan untuk mendaftarkan francaisnya dengan mengemukakan permohonan kepada Pendaftar dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dan —

- (a) dokumen penzahiran yang lengkap dengan kesemua butir yang perlu telah diisi;
- (b) suatu sampel perjanjian francais itu;
- (c) manual pengendalian francais itu;
- (d) manual latihan francais itu;
- (e) suatu salinan terbaru akaun teraudit, penyata kewangan, dan laporan, jika ada, juruaudit dan pengarah pemohon; dan
- (f) apa-apa maklumat atau dokumen tambahan lain yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi maksud menentukan permohonan itu.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima sesuatu permohonan dan sebelum permohonan itu ditentukan, Pendaftar boleh, dengan notis bertulis, menghendaki pemohon, atau pengarah atau pengurus pemohon, supaya memberikan maklumat atau dokumen tambahan.

(3) Perkara-perkara yang dinyatakan di bawah perenggan (1)(f) atau kehendak di bawah subseksyen (2) boleh berbeza antara pemohon yang berlainan, atau kelas, kategori atau perihal pemohon yang berlainan.

(4) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

(5) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon atau pengarah atau pengurusnya dalam masa yang dinyatakan dalam kehendak itu atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(6) Seseorang yang memberikan maklumat atau dokumen palsu atau mengelirukan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Kelulusan atau penolakan permohonan bagi pendaftaran**

**8.** (1) Apabila diterima permohonan bagi pendaftaran berserta dengan maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah seksyen 7, Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan itu, dan hendaklah memberikan sebab bagi penolakan itu.

(2) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran yang diluluskan di bawah seksyen ini boleh dijadikan tertakluk pada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar.

(3) Apabila meluluskan sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

(4) Pendaftar hendaklah memberi pemohon notis bertulis tentang keputusannya di bawah seksyen ini.

### **Tarikh pendaftaran francais mula berkuat kuasa**

**9.** Jika pendaftaran francais diluluskan di bawah seksyen 8, pendaftaran itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan oleh Pendaftar dan tarikh itu hendaklah selepas tarikh pemfailan kesemua maklumat atau dokumen yang dikehendaki melainkan jika, sebelum itu, salah satu daripada perkara yang berikut berlaku:

- (a) Pendaftar telah memberitahu pemohon bahawa pemohon telah tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen 6 dan subseksyen 7(1), (2) dan (3); atau
- (b) Pendaftar telah mengeluarkan suatu perintah di bawah seksyen 10 atau perenggan 16(3)(b).

### **\*Tempoh berkuat kuasa**

**10.** (1) Pendaftaran sesuatu francais hendaklah terus berkuat kuasa bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh pada bila-bila masa mengeluarkan suatu perintah bertulis kepada francaisor untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan pendaftaran francais itu di bawah Akta ini.

### **Pembaharuan pendaftaran francais**

**10A.** (1) Seseorang francaisor boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembaharuan pendaftaran francais dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh habis tempoh pendaftaran itu.

(2) Suatu kelulusan bagi permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tertakluk pada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar.

(3) Apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

(4) Seksyen 10 hendaklah terpakai bagi tempoh berkuat kuasa pendaftaran francais yang dibaharui di bawah seksyen ini.

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 27 Akta Francais (Pindaan) 2020 [Akta A1617].

**Mempamerkan pendaftaran francais**

**10B.** (1) Francaisor atau francaisi hendaklah pada setiap masa mempamerkan pendaftaran francais di suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat francaisor atau francaisi itu menjalankan perniagaannya.

(2) Mana-mana francaisor atau francaisi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**\*Pindaan pada dokumen sokongan bagi pendaftaran francais**

**11.** (1) Jika terdapat apa-apa perubahan matan dalam dokumen yang disebut dalam perenggan 7(1)(a), (b), (c), (d) dan (f), pemohon atau pengarah atau pengurusnya hendaklah, dengan kelulusan Pendaftar, meminda dokumen itu mengikut bentuk yang ditetapkan.

(2) Dokumen dalam subseksyen (1) hendaklah difailkan dengan Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan.

(3) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, menghendaki maklumat tambahan mengenai pindaan yang dibuat di bawah seksyen ini.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Notis tentang penggantungan, penamatan, dsb., pendaftaran**

**12.** (1) Tertakluk pada seksyen 13, jika Pendaftar bercadang untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan kelulusan pendaftaran sesuatu francais, dia hendaklah memberi pemohon atau francaisor notis bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan jenis tindakan yang dicadangkan dan alasan yang berdasarkannya dia bercadang untuk mengambil tindakan itu, dan dia hendaklah memberi pemohon atau francaisor itu peluang untuk

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 26 Akta Francais (Pindaan) 2020 [Akta A1617].

membuat representasi bertulis tentang perkara itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(2) Setelah habis tempoh empat belas hari yang disebut dalam subseksyen (1) dan setelah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemohon atau francaisor di bawah subseksyen itu, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada akan meneruskan tindakan yang dicadangkan atau tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(3) Pendaftar hendaklah memberi pemohon atau francaisor notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (2) dan keputusan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh notis bertulis itu disampaikan kepada pemohon atau francaisor itu.

### **Pembatalan daripada daftar**

**13.** (1) Francaisor boleh, pada bila-bila masa selepas tempoh francais itu, memohon kepada Pendaftar bagi pembatalan pendaftaran francais itu daripada daftar.

(2) Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran francais daripada daftar jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) francaisor gagal untuk menyerahkan laporan tahunannya kepada Pendaftar sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 16 bagi tempoh lima tahun berterusan;
- (b) francaisor adalah tidak solven; atau
- (c) francaisor tidak lagi memberi hak di bawah francais.

### **Pendaftaran broker francais atau konsultan francais**

**\*14.** (1) Broker francais atau konsultan francais hendaklah mendaftarkan dirinya dengan Pendaftar mengikut cara yang berikut:

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 26 Akta Francais (Pindaan) 2020 [Akta A1617]

- (a) dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan; dan
- (b) dengan memfailkan dengan Pendaftar apa-apa maklumat, yang hendaklah ditentukan oleh Pendaftar, berkenaan dengan mana-mana wakil atau ejen yang dilantik oleh broker francais atau konsultan francais itu.

(2) Broker francais atau konsultan francais itu mestilah memenuhi kesemua kehendak yang ditetapkan tentang kelayakan broker francais atau konsultan francais sebelum dia boleh didaftarkan.

(3) Pendaftar boleh mengenakan syarat-syarat bagi pendaftaran seseorang broker francais atau konsultan francais.

(3A) Apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

(4) Syarat-syarat dalam subseksyen (3) bolehlah termasuk syarat-syarat yang mentadbir penjualan francais oleh broker francais atau konsultan francais dan syarat-syarat mengenai kelakuan, penggantungan, penamatan, larangan atau penolakan pendaftaran seseorang broker francais atau konsultan francais.

(5) Pendaftaran di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa selama dua tahun dari tarikh pendaftaran, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Pendaftar.

(5A) *(Dipotong oleh Akta A1617).*

(5B) *(Dipotong oleh Akta A1617).*

(6) Peruntukan berkenaan dengan maklumat rahsia dan larangan menjalankan perniagaan yang serupa dalam seksyen 26 dan 27 adalah juga terpakai bagi broker francais atau konsultan francais.

(7) Mana-mana broker francais atau konsultan francais yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

### **Pembaharuan pendaftaran broker francais atau konsultan francais**

**14A.** (1) Seseorang broker francais yang masih menjalankan perniagaannya sebagai broker francais atau seseorang konsultan francais yang masih memberikan perkhidmatannya sebagai konsultan francais hendaklah memohon kepada Pendaftar bagi pembaharuan pendaftarannya sebagai broker francais atau konsultan francais, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh habis tempoh pendaftaran itu.

(2) Suatu kelulusan bagi permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tertakluk pada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar.

(3) Apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

(4) Subseksyen 14(5) hendaklah terpakai bagi tempoh berkuat kuasa pendaftaran broker francais atau konsultan francais yang dibaharui di bawah seksyen ini.

(5) Mana-mana broker francais atau konsultan francais yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

**Mempamerkan pendaftaran broker francais atau konsultan francais**

**14B.** (1) Broker francais atau konsultan francais hendaklah pada setiap masa mempamerkan pendaftaran broker francais atau konsultan francais, mengikut mana-mana yang berkenaan, di suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat broker francais itu menjalankan perniagaannya atau konsultan francais itu memberikan perkhidmatannya.

(2) Mana-mana broker francais atau konsultan francais yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Amalan wajib**

**15.** (1) Francaisor hendaklah mengemukakan perjanjian francais dan dokumen termasuk pindaan kepada dokumen yang diluluskan di bawah seksyen 11 kepada seseorang francais sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum francais itu menandatangani perjanjian dengan francaisor itu atau selepas dokumen yang diluluskan oleh Pendaftar di bawah seksyen 11, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Dokumen dalam subseksyen (1) hendaklah dokumen yang sama yang dikemukakan kepada Pendaftar di bawah seksyen 7 dan 11.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Laporan tahunan**

**16.** (1) Francaisor hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari penghujung setiap tahun kewangan perniagaan francais, mengemukakan laporan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan.

(2) Laporan itu hendaklah mengandungi dokumen penzahiran yang telah dikemaskinikan.

- (3) Pendaftar boleh mengkaji laporan dan dokumen penzahiran itu dan—
- (a) memberitahu francaisor jika apa-apa maklumat tambahan atau ubah suaian dokumen penzahiran itu perlu dimasukkan atau dipotong; atau
  - (b) mengeluarkan suatu perintah untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan kelulusan pendaftaran francais demi kepentingan awam atau bagi maksud melindungi bakal francais sehingga apa-apa kekurangan yang dinyatakan oleh Pendaftar telah dibetulkan.
- (4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

### **Rayuan terhadap keputusan Pendaftar**

**17.** (1) Seseorang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah Bahagian ini boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu diberitahukan kepada orang itu.

- (2) Keputusan Menteri tentang rayuan itu adalah muktamad.

## BAHAGIAN III

### PERJANJIAN FRANCAIS

#### **Kehendak perjanjian francais**

**18.** (1) Perjanjian francais hendaklah dalam bentuk bertulis.

- (2) Perjanjian francais hendaklah mengandungi tetapi tidak terhad kepada—

- (a) nama dan perihal keluaran dan perniagaan di bawah francais;
- (b) hak wilayah yang diberikan kepada francais;
- (c) fi francais, fi promosi, royalti atau apa-apa jenis bayaran yang berkaitan yang boleh dikenakan atas francais, jika ada;
- (d) kewajipan francaisor;
- (e) kewajipan francais;
- (f) hak francais untuk menggunakan cap atau apa-apa harta intelektual lain, sementara menanti pendaftaran atau selepas pendaftaran francais;
- (g) syarat-syarat yang di bawahnya francais boleh menyerahhakkan hak di bawah francais;
- (h) pernyataan tentang tempoh bertenang sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (4);
- (i) perihal mengenai cap atau apa-apa harta intelektual lain yang dipunyai oleh atau yang berkaitan dengan francaisor yang digunakan dalam francais;
- (j) jika perjanjian itu adalah berkaitan dengan francais induk, identiti francaisor dan hak yang diperoleh oleh francais induk daripada francaisor;
- (k) jenis dan butir-butir bantuan yang diberikan oleh francaisor;
- (l) tempoh francais, dan terma pembaharuan dan pelanjutan perjanjian francais; dan
- (m) kesan penamatan atau habis tempoh perjanjian francais.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1617*).

(4) Perjanjian francais hendaklah mempunyai tempoh bertenang, yang hendaklah ditentukan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak tetapi tidak boleh kurang daripada tujuh hari bekerja, dan dalam tempoh itu francais mempunyai pilihan untuk menamatkan perjanjian itu.

(5) Apabila tamat perjanjian francais di bawah subseksyen (4), suatu amaun untuk menampung perbelanjaan munasabah yang dilakukan oleh francaisor untuk menyediakan perjanjian boleh disimpan oleh francaisor daripada fi permulaan yang dibayar di bawah seksyen 19; walau bagaimanapun, semua wang lain hendaklah dipulangkan kepada penerima francais.

(6) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Pembayaran fi francais, dsb.**

**19.** Jika francaisor menghendaki francais membuat apa-apa bayaran sebelum menandatangani perjanjian francais, termasuklah bayaran yang merupakan sebahagian daripada fi francais, francaisor hendaklah menyatakan secara bertulis dalam dokumen penzahiran maksud bayaran itu dan syarat-syarat bagi penggunaan dan pembayaran balik wang itu.

### **Larangan terhadap diskriminasi**

**20.** Francais menjadi tidak adil dan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini jika mana-mana francaisor mendiskriminasi dengan cara yang tidak munasabah dan dengan ketara antara francais yang mengendalikan francais tentang bayaran yang ditawarkan atau dibuat bagi fi francais, royalti, barangan, perkhidmatan, kelengkapan, sewa atau perkhidmatan pengiklanan jika diskriminasi itu boleh menyebabkan persaingan yang memudaratkan mana-mana francais yang bersaing dengan francais yang menerima faedah daripada

diskriminasi itu, melainkan jika dan setakat yang apa-apa pengelasan atau diskriminasi antara pemegang francaisi adalah—

- (a) berdasarkan kepada francais yang diberikan pada masa yang berlainan, dan diskriminasi itu adalah berhubung dengan munasabahnya dengan perbezaan masa itu;
- (b) berhubung dengan satu program atau lebih bagi membuatkan francais tersedia kepada orang yang tidak cukup modal, latihan, pengalaman perniagaan atau pendidikan, atau kurang kelayakan yang lain;
- (c) berhubung dengan usaha oleh Kerajaan atau mana-mana agensinya untuk menggalakkan kepelbagaian dalam keluaran atau bidang perkhidmatan atau format atau reka bentuk perniagaan;
- (d) berhubung dengan usaha oleh seorang francaisi atau lebih untuk memperbaiki kekurangan dalam pengendalian perniagaan yang difrancaiskan atau keingkaran dalam perjanjian francais; atau
- (e) berdasarkan pada perbezaan-perbezaan lain yang munasabah dengan mengambil kira maksud-maksud Akta ini dan tidaklah dibuat sewenang-wenang.

### **Pembayaran fi francais atau royalti**

**21.** Jika francaisi dikehendaki membayar apa-apa fi francais atau royalti kepada francaisor, kadar fi francais atau royalti hendaklah kadar yang diperuntukkan dalam dokumen penzahiran.

### **Kumpulan Wang Promosi**

**22.** (1) Francaisor yang menghendaki seseorang francaisi membuat apa-apa bayaran bagi maksud promosi sesuatu francais hendaklah menubuhkan Kumpulan Wang Promosi (“Kumpulan Wang”).

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah diuruskan di bawah akaun bank yang berasingan dan hendaklah digunakan hanya bagi promosi keluaran di bawah francais itu.

(3) Jika francais dikehendaki membuat apa-apa bayaran di bawah seksyen 23, francaisor hendaklah mengemukakan penyata kewangan mengenai Kumpulan Wang, yang telah diendors oleh akauntan awam berdaftar, kepada Pendaftar dalam tempoh tiga puluh hari selepas tamat penggal kewangan terakhir.

(4) Penyata kewangan dalam subseksyen (3) hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar berserta dengan laporan tahunan di bawah seksyen 16.

(5) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan sesuatu kesalahan.

### **Fi promosi, dsb.**

**23.** (1) Jika seseorang francais dikehendaki membuat apa-apa bayaran bagi maksud promosi atau membayar fi promosi kepada francaisor, bayaran itu hendaklah pada kadar yang diperuntukkan dalam dokumen penzahiran.

(2) Bayaran yang dikehendaki dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

### **Pendaftaran cap dagangan**

**24.** Francaisor adalah dikehendaki mendaftarkan cap dagangannya yang berkaitan dengan francaisnya mengikut Akta Cap Dagangan 1976 [*Akta 175*] (jika boleh didaftarkan di bawah Akta itu) sebelum memohon pendaftaran francaisnya di bawah seksyen 7.

### **Tempoh francais**

25. Tempoh francais tidak boleh kurang daripada lima tahun.

### **Maklumat rahsia**

26. (1) Francaisi hendaklah memberikan jaminan bertulis kepada francaisor bahawa francaisi, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjaanya tidak akan menzahirkan kepada mana-mana orang apa-apa maklumat yang terkandung dalam manual pengendalian atau yang diperoleh semasa menjalani latihan yang dianjurkan oleh francaisor semasa tempoh perjanjian francais itu dan selama dua tahun selepas perjanjian francais itu habis tempoh atau ditamatkan lebih awal.

(2) Francaisi, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjaanya hendaklah mematuhi terma jaminan bertulis yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Larangan terhadap perniagaan serupa**

27. (1) Francaisi hendaklah memberikan jaminan bertulis kepada francaisor bahawa francaisi, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjaanya tidak akan menjalankan apa-apa perniagaan lain yang serupa dengan perniagaan yang difrancaiskan yang dikendalikan oleh francaisi semasa tempoh perjanjian francais itu dan selama dua tahun selepas perjanjian francais itu habis tempoh atau ditamatkan lebih awal.

(2) Francaisi, termasuk Pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjaanya hendaklah mematuhi terma jaminan bertulis yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Penepian tidak sah**

**28.** (1) Apa-apa syarat, ketetapan atau peruntukan dalam perjanjian francais yang berupa mengikat francaisor atau francais supaya menepikan pematuhan mana-mana peruntukan dalam Akta ini adalah tidak sah.

(2) Seksyen ini tidak menghalang mana-mana orang daripada membuat suatu perjanjian penyelesaian atau melaksanakan pelepasan am berkenaan dengan suatu tindakan sivil yang mungkin akan atau sebenarnya difailkan berkenaan dengan francais dan juga tidak menghalang timbang tara apa-apa tuntutan.

**BAHAGIAN IV****KELAKUAN PIHAK-PIHAK DAN PENAMATAN  
PERJANJIAN FRANCAIS****Kelakuan pihak**

**29.** (1) Francaisor dan francais hendaklah bertindak dengan jujur dan sah di sisi undang-undang dan hendaklah berusaha untuk meneruskan amalan perniagaan francais yang terbaik mengikut masa dan tempat.

(2) Francaisor dan francais semasa mereka berurusan antara satu sama lain hendaklah mengelakkan kelakuan yang berikut:

- (a) penilaian berlebihan yang banyak dan tidak munasabah tentang fi dan harga;
- (b) kelakuan yang tidak perlu dan tidak munasabah berhubung dengan risiko yang dilakukan oleh satu pihak; dan
- (c) kelakuan yang tidak dengan munasabahnya perlu bagi melindungi kepentingan perniagaan francaisor, francais atau sistem francais yang sah.

(3) Francaisi hendaklah menjalankan perniagaan berasingan daripada francaisor, dan hubungan francaisi dengan francaisor tidak pada bila-bila masa dianggap sebagai perkongsian, kontrak perkhidmatan atau agensi.

### **Obligasi francaisor dan francaisi**

**30.** (1) Francaisor hendaklah memberikan notis bertulis mengenai kemungkiran kontrak oleh francaisi dan memberikan francaisi masa untuk memulihkan kemungkiran itu.

(2) Francaisi hendaklah membayar fi francais, royalti, fi promosi atau apa-apa bayaran lain yang diperuntukkan dalam perjanjian francais.

(3) Francaisor hendaklah memberikan bantuan kepada francaisi untuk mengendalikan perniagaannya, seperti peruntukan atau pembekalan bahan dan perkhidmatan, latihan, pemasaran dan bantuan perniagaan atau teknik.

(4) Francaisor dan francaisi hendaklah melindungi kepentingan pengguna pada setiap masa.

### **Penamatan perjanjian francais**

**31.** (1) Tiada francaisor atau francaisi boleh menamatkan perjanjian francais sebelum tarikh habis tempoh kecuali dengan sebab yang baik yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3).

(2) “Sebab yang baik” hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada—

- (a) kegagalan francaisor atau francaisi untuk mematuhi apa-apa terma perjanjian francais atau mana-mana perjanjian lain yang berkaitan yang dibuat antara francaisor dengan francaisi; dan

- (b) kegagalan *francaisor* atau *francaisi* untuk memulihkan kemungkiran itu yang telah dilakukannya atau mana-mana pekerjajannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan oleh *francaisor*, yang tidak boleh kurang daripada empat belas hari, bagi pemulihan kemungkiran itu.

(3) “Sebab yang baik” hendaklah termasuk, tetapi tanpa kehendak notis dan suatu peluang untuk memulihkan kemungkiran, hal keadaan apabila *francaisor* atau *francaisi*—

- (a) membuat penyerahhakan hak *francais* itu bagi faedah pemiutang atau pelupusan seumpamanya aset *francais* itu kepada mana-mana orang lain;
- (aa) menjadi muflis atau tidak solven;
- (b) meninggalkan perniagaan *francais* dengan sengaja;
- (c) disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang dengan ketara merosakkan nama baik yang dikaitkan dengan cap atau apa-apa harta intelektual lain *francaisor*; atau
- (d) secara berulang kali tidak mematuhi terma perjanjian *francais*.

### **Tidak membaharui perjanjian *francais***

**32.** *Francaisor* melakukan suatu kesalahan jika dia enggan membaharui perjanjian *francais* atau melanjutkan tempoh *francais* tanpa membayar pampasan kepada *francaisi* sama ada dengan cara membeli semula atau cara lain pada harga yang dipersetujui antara *francaisor* dengan *francaisi* setelah mengambil kira pengurangan nilai perniagaan yang *francaiskan* itu disebabkan oleh habis tempoh *francais* itu jika—

- (a) *francaisi* dihalang oleh perjanjian *francais*, atau dengan keengganan *francaisor* sekurang-kurangnya

enam bulan sebelum tarikh habis tempoh perjanjian francais untuk menepikan mana-mana bahagian perjanjian francais yang melarang francaisi, daripada terus menjalankan perniagaan yang serupa di bawah cap yang lain dalam kawasan yang sama selepas habis tempoh perjanjian francais itu; atau

- (b) francaisi itu tidak diberi notis bertulis tentang niat francaisor untuk tidak membaharui perjanjian francais sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh habis tempoh perjanjian francais itu.

### **Penamatan awal tempoh francais**

**33.** Walau apa pun seksyen 25, tempoh francais boleh ditamatkan sebelum habis tempoh minimum lima tahun dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika kedua-dua pihak dalam perjanjian francais itu bersetuju dengan penamatan; atau
- (b) jika mahkamah memutuskan bahawa terdapat syarat-syarat tertentu dalam perjanjian francais itu yang mewajarkan perjanjian itu ditamatkan lebih awal daripada tempoh minimum.

### **Pelanjutan tempoh francais**

**34.** (1) Francaisi boleh, mengikut pilihannya, memohon untuk melanjutkan tempoh francais dengan memberi notis bertulis kepada francaisor tidak kurang daripada enam bulan sebelum tamatnya tempoh francais itu.

(2) Kecuali apabila francaisi telah memungkiri terma-terma perjanjian francais yang sebelumnya, francaisor hendaklah melanjutkan tempoh francais itu kepada suatu tempoh lain jika francaisi telah memohon pelanjutan tempoh itu mengikut subseksyen (1).

(3) Perjanjian francais yang tempoh francaisnya dilanjutkan hendaklah mengandungi syarat-syarat yang serupa atau tidak kurang menguntungkan daripada syarat-syarat dalam perjanjian francais yang sebelumnya.

#### BAHAGIAN V

#### LEMBAGA PENASIHAT FRANCAIS

#### **Lembaga Penasihat Francais**

**35.** (1) Lembaga Penasihat Francais ditubuhkan.

(2) Lembaga Penasihat Francais hendaklah terdiri daripada orang, yang bilangannya tidak melebihi lima belas orang, yang boleh dilantik oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(3) Anggota-anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan francais.

(4) Anggota-anggota Lembaga Penasihat Francais boleh menerima apa-apa saraan yang ditetapkan bagi perkhidmatan mereka.

#### **Fungsi Lembaga Penasihat Francais**

**36.** (1) Lembaga Penasihat Francais hendaklah menasihati Menteri dan Pendaftar mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan francais, dan pentadbiran dan penguatkuasaan wajar undang-undang yang berhubungan dengan francais.

(2) Menteri dan Pendaftar tidaklah terikat untuk bertindak atas nasihat atau laporan Lembaga Penasihat Francais.

## BAHAGIAN VI

## KESALAHAN DAN PENALTI

**Kesalahan bagi fraud, perdayaan, dsb.**

**37.** (1) Seseorang yang berhubung dengan tawaran untuk menjual sesuatu francais atau semasa penjualan sesuatu francais, sama ada secara langsung atau tidak langsung—

- (a) menggunakan apa-apa muslihat atau rancangan untuk menipu;
- (b) membuat apa-apa pernyataan tidak benar tentang fakta material atau tidak menyatakan fakta material yang menyebabkan pernyataannya itu mengelirukan;
- (c) terlibat dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan perniagaan, yang bertindak atau akan bertindak sebagai fraud atau perdayaan atas mana-mana orang,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) hendaklah juga terpakai kepada broker francais atau konsultan francais.

**Kesalahan bagi mengemukakan diri sebagai francais**

**37A.** Seseorang yang menganggap atau menggunakan berhubung dengan perniagaannya, terma “francais” atau apa-apa terbitannya atau apa-apa jua perkataan lain yang menunjukkan perjalanan perniagaan francais, termasuklah penggunaan perkataan “francais” atau apa-apa singkatan dengannya sebagai sebahagian daripada nama atau tajuk dalam dokumen, perjanjian, buku, iklan atau penerbitan, tanpa kelulusan pendaftaran oleh Pendaftar di bawah seksyen 8 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Menghalang pegawai**

**38.** Seseorang yang—

- (a) menghalang mana-mana orang yang dilantik di bawah Akta ini yang bertindak menurut Akta ini;
- (b) tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat dengan sepatutnya kepadanya oleh pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini; atau
- (c) tanpa sebab yang munasabah tidak memberi seseorang pegawai diberi kuasa apa-apa bantuan atau maklumat yang dikehendaki dengan munasabah oleh pegawai itu

bagi maksud pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Penalti am**

**39.** (1) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, boleh apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

(2) Apabila menghukum francaisor bagi kesalahan di bawah seksyen ini, mahkamah boleh—

- (a) mengisytiharkan perjanjian francais antara francaisor dengan mana-mana francaisi menjadi batal dan tidak sah;
- (b) memerintahkan supaya francaisor membayar balik apa-apa bentuk bayaran yang diperolehnya daripada mana-mana francaisi; atau

- (c) melarang francaisor daripada membuat apa-apa perjanjian francais baru atau melantik mana-mana francais baru.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**40.** Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu atau berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau dengan apa-apa cara atau hingga apa-apa takat bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau membantu dalam pengurusan sedemikian, adalah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**41.** (1) Pendaftar boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang telah dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pendaftar sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus jumlah denda maksimum itu bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(5) Kesemua jumlah wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

## BAHAGIAN VII

### PENGUATKUASAAN

#### **Pegawai diberi kuasa**

**42.** (1) Menteri boleh, secara bertulis, memberi kuasa Pendaftar atau mana-mana Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Pada menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kad kuasa yang ditandatangani Pendaftar dan yang dikeluarkan kepadanya.

**Kuasa untuk menyiasat**

**43.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pegawai diberi kuasa boleh mengeluarkan perintah kepada mana-mana orang untuk membantu melaksanakan penyiasatannya dan memastikan pematuhan kepada Akta ini.

(3) Sebagai tambahan kepada kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), dalam apa-apa hal berhubung dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes-kes boleh tangkap yang diberikan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

**Pengeledahan dengan waran**

**44.** (1) Jika pada hemat seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalamnya untuk masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, dalam premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), menggeledah dan menyita—

- (a) salinan apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuklah data berkomputer, yang mengandungi atau yang disyaki dengan munasabah mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan sedemikian;

- (b) apa-apa cap, papan tanda, kad, surat, risalah atau peranti atau benda lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa orang itu ialah francaisor, broker francais atau francaisi;
- (c) apa-apa dokumen atau barang lain yang dengan munasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, jika pada pendapatnya adalah dengan munasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud penyiasatan kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada dalam atau di premis itu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penggeledahan tentang seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau jumlahnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengusik atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang dilak atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

**Waran geledah sah walaupun cacat**

**44A.** Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalam waran geledah itu atau dalam permohonan bagi waran geledah itu dan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah waran geledah itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

**Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**45.** Jika seseorang pegawai diberi kuasa dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 44 mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diusik, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 44 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

**Pemeriksaan seorang wanita**

**46.** Tiada wanita boleh diperiksa di bawah seksyen 44 atau 45 kecuali oleh seorang wanita lain.

**Akses kepada data berkomputer**

**47.** Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah seksyen 44 atau 45 hendaklah diberikan akses kepada data berkomputer sama ada distorkan dalam suatu komputer atau selainnya.

**Senarai benda disita**

**48.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda disita di bawah seksyen 44 atau 45, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menyerahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang menyita itu hendaklah, bila masa mungkin, melekatkan senarai benda yang disita itu dengan ketara di premis itu.

**Pelucuthakan buku yang disita, dsb.**

**48A.** (1) Apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi melucuthakkan atau melepaskan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dijalankan dan suatu perintah bagi melucuthakkan buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah Akta ini, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah,

peranti atau benda itu hendaklah dikira dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu disita melainkan jika suatu tuntutan ke atasnya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa mengenai tuntutannya.

(5) Apabila diterima notis itu di bawah subseksyen (4), pegawai diberi kuasa hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Pendaftar yang boleh mengarahkan supaya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu dilepaskan atau dilucuthakkan, atau boleh mengarahkan pegawai diberi kuasa supaya merujuk perkara itu kepada suatu mahkamah untuk keputusan.

(6) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu dan orang yang daripadanya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu telah disita supaya hadir di hadapan mahkamah dan apabila dia hadir atau tidak hadir, selepas dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu ialah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda,

kad, surat, risalah, peranti atau benda itu dilucuthakkan atau boleh, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu dilepaskan kepada orang yang berhak kepadanya.

(7) Apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada pegawai diberi kuasa yang akan melupuskannya mengikut arahan Pendaftar.

(8) Jika apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita di bawah Akta ini merupakan barangan yang mudah musnah sifatnya atau jika penjagaan buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan kesulitan, buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu boleh dijual oleh pegawai diberi kuasa pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang oleh pegawai diberi kuasa untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini, atau untuk dilupuskan mengikut peruntukan seksyen ini.

### **Pelepasan buku yang disita, dsb.**

**48B.** (1) Jika apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda telah disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu boleh melepaskan buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu kepada orang yang dia tentukan sebagai berhak secara sah kepadanya, jika dia berpuas hati bahawa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan dalam keadaan sedemikian pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu, Kerajaan, Pendaftar atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan atau Pendaftar tidak boleh

dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang melakukan pelepasan itu bagi apa-apa perkara di bawah subseksyen (1) dengan menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantar suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh tujuh hari dari pelepasan itu.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik**

**48c.** Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, cap, papan tanda, kad, surat, risalah, peranti atau benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Ganjaran bagi maklumat**

**48d.** Dalam hal sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai pendakwa, mengarahkan pembayaran mana-mana bahagian denda itu mengikut perkadaran yang difikirkan patut oleh mahkamah tetapi dalam apa-apa hal tidak melebihi setengah daripada denda itu kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang tahu tentang Kes**

**49.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah secara bertulis

menghendaki kehadiran di hadapannya orang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu tahu tentang hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir apabila dikehendaki sedemikian.

(2) Jika orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan ketidakhadiran itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

### **Pemeriksaan orang yang tahu tentang kes**

**50.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang dijangka tahu akan fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab kesemua soalan berhubung dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya cenderung untuk mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memperoleh maklumat daripada seseorang hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, seboleh-bolehnya, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

**Kuasa tambahan**

**51.** Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen yang disimpan oleh francaisor, broker francais atau francais dan menyemak, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana kes atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini dipatuhi.

**Pendakwaan**

**52.** Tiada pendakwaan boleh dimulakan di bawah Akta ini tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

## BAHAGIAN VII

## PELBAGAI

**Penjualan francais kepada bukan warganegara tertakluk pada kelulusan Pendaftar**

**53.** Francaisor yang bercadang untuk menjual suatu francais kepada seseorang yang bukan warganegara Malaysia hendaklah memperoleh kelulusan, dan tertakluk pada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh, Pendaftar.

**\*Penjualan francais oleh orang asing di Malaysia**

**54.** (1) Orang asing yang bercadang menjual francaisnya di Malaysia atau kepada mana-mana warganegara Malaysia hendaklah memohon kepada Pendaftar dengan mengemukakan permohonan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar berserta dengan fi yang ditetapkan.

(2) Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan di bawah subseksyen (1) tanpa memberikan sebab bagi penolakan itu.

(3) Permohonan yang diluluskan di bawah seksyen ini boleh dijadikan tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Pendaftar.

(4) Apabila meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk membayar apa-apa jumlah fi yang ditetapkan.

**55.** (*Dipotong oleh Akta A1442*).

**Pemeriksaan awam dokumen penzahiran**

**56.** Pendaftar boleh membenarkan pemeriksaan awam mana-mana dokumen penzahiran yang difailkan kepada Pendaftar melainkan jika, pada pendapatnya, pemeriksaan itu boleh mendatangkan mudarat kepada francaisor atau francaisi atau mana-mana orang yang terlibat dalam perniagaan francais yang berhubungan dengan pemeriksaan itu atau pemeriksaan itu tidak perlu atau sesuai demi kepentingan awam.

**57.** (*Dipotong oleh Akta A1442*).

---

\*CATATAN—Lihat seksyen 26 Akta Francais (Pindaan) 2020 [Akta A1617].

**Kuasa untuk mengecualikan**

**58.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan, tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai untuk dikenakan, mana-mana orang atau kelas orang atau perniagaan atau industri daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

**Perlindungan pegawai**

**59.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggara dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diarahkan atau dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau dikatakan dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Menteri, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa sewajarnya di bawah Akta ini jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati dan dengan mempercayai dengan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang hendak dicapai olehnya.

**Peraturan-peraturan**

**60.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan borang, tatacara dan kehendak-kehendak lain bagi maksud Akta ini;
- (b) menetapkan bentuk dan kandungan dokumen penzahiran;

- (c) menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini, dan cara memungut dan membayar fi itu;
- (d) menetapkan tatacara rayuan di bawah Akta ini;
- (e) menetapkan tatacara dan kehendak-kehendak bagi pendaftaran apa-apa francais yang diberikan atau dijual di dalam atau di luar Malaysia oleh francaisor atau broker francais sebelum Akta ini mula berkuat kuasa;
- (f) menetapkan saraan bagi perkhidmatan Lembaga Penasihat Francais; dan
- (g) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dicadangkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kecualian dan peralihan**

**61.** Francaisor atau broker francais yang telah memberikan atau menjual di dalam atau di luar Malaysia francais kepada francaisi sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, tidak lewat daripada dua belas bulan dari permulaan kuat kuasa itu, mendaftarkan francaisnya dengan Pendaftar mengikut tatacara dan kehendak yang ditetapkan di bawah Akta ini.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 590****AKTA FRANCAIS 1998**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk Ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1442	Akta Francais (Pindaan) 2012	01-01-2013
Akta A1617	Akta Francais (Pindaan) 2020	28-04-2022

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 590****AKTA FRANCAIS 1998****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A1442	01-01-2013
4	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
6	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
6A	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
6B	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
7	Akta A1617	28-04-2022
10	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
10A	Akta A1617	28-04-2022
10B	Akta A1617	28-04-2022
11	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
12	Akta A1442	01-01-2013
13	Akta A1442	01-01-2013
14	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
14A	Akta A1617	28-04-2022
14B	Akta A1617	28-04-2022
15	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022
16	Akta A1442	01-01-2013
18	Akta A1617	28-04-2022
19	Akta A1442	01-01-2013
20	Akta A1442	01-01-2013
22	Akta A1617	28-04-2022
24	Akta A1617	28-04-2022
26	Akta A1442	01-01-2013
27	Akta A1442	01-01-2013
28	Akta A1442	01-01-2013
29	Akta A1442	01-01-2013
31	Akta A1442	01-01-2013
32	Akta A1617	28-04-2022
34	Akta A1442	01-01-2013
37	Akta A1442	01-01-2013

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1617	28-04-2022
37A	Akta A1442	01-01-2013
38	Akta A1442	01-01-2013
39	Akta A1442	01-01-2013
42	Akta A1617	28-04-2022
43	Akta A1617	28-04-2022
44	Akta A1617	28-04-2022
44A	Akta A1617	28-04-2022
48A	Akta A1617	28-04-2022
48B	Akta A1617	28-04-2022
48C	Akta A1617	28-04-2022
48D	Akta A1617	28-04-2022
54	Akta A1617	28-04-2022
55	Akta A1442	01-01-2013
57	Akta A1442	01-01-2013
60	Akta A1442	01-01-2013
	Akta A1617	28-04-2022

---